

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR AMALI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20223
KEUSAHAWANAN DIGITAL**

MASA: 2 JAM

SOALAN TERBUKA

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Rubrik Penilaian Akhir Tugas Praktikal disediakan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tarikh edaran soalan bermula Minggu 13 dan pelaksanaan amali perlu dilaksanakan pada hari peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan

TUGASAN PRAKTIKAL

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Tugas ini adalah tugas praktikal individu.
- 2) Penilaian tugas ini adalah menggunakan Rubrik Tugas Praktikal.
- 3) Bagi menjawab soalan di bawah, anda dikehendaki memilih produk atau perkhidmatan yang telah dilaksanakan dalam Mini Projek.
- 4) Hasil kerja perlu dimuatnaik dalam format yang disediakan oleh pensyarah penilai.

SOALAN:

Anda sebagai seorang peniaga perlu menguasai platform pemasaran digital iaitu *Facebook Page*, Instagram dan Laman Sesawang. Bagi menunjukkan kemahiran membangunkan media sosial dan laman sesawang dalam menguruskan aktiviti perniagaan, anda dikehendaki:

- a) Membangunkan poster digital perniagaan. Penghasilan poster perlu merangkumi **CLO 2** kesemua aspek berikut:
 - i. menggunakan format Instagram Post (Square) menggunakan CANVA
 - ii. memilih tema poster yang bersesuaian dengan produk atau perkhidmatan
 - iii. *font colour* yang jelas
 - iv. peletakan harga produk atau perkhidmatan yang berpatutan
 - v. Unique Selling Product (USP) dengan menggunakan ayat yang padat
 - vi. Pemilihan gambar yang sesuai dan jelas

b) Menghasilkan *Copywriting* yang mengikut format:

CLO 2

- i. Tajuk *copywriting* yang menarik dan bersesuaian
- ii. Penceritaan masalah / penerangan produk atau servis yang menarik
- iii. *Call To Action*
- iv. *hashtag* yang bersesuaian

c) Membuat *posting* di media sosial dan kriteria pemarkahan berdasarkan kepada item yang dinyatakan di bawah:

CLO 2

- i. *Facebook Page*:
 - Memuatnaik poster beserta ayat *Copywriting*
 - Menghubungkan media sosial *Facebook Page* ke laman sesawang
- ii. Instagram:
 - Memuatnaik poster beserta ayat *Copywriting*
 - Menghubungkan media sosial Instagram ke laman sesawang
- iii. Laman Web:
 - Memuatnaik poster beserta ayat *Copywriting*
 - Menghubungkan media sosial *Facebook Page* ke laman sesawang
 - Menghubungkan media sosial Instagram ke laman sesawang

d) Kesemua item yang dibangunkan mestilah mempunyai nilai kreativiti dan usaha untuk melengkapkan kerja dengan baik. Aspek yang akan dinilai ialah:

- i. Kekemasan hasil kerja
- ii. Kreativiti dan inovasi
- iii. Inisiatif menyelesaikan tugas dalam tempoh yang ditetapkan

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab